

12 JUN 2001

Hishammuddin-Pemuda

WAN MOHAMMAD KHAIR-IL GANTI MOKHZANI BENDAHARI PEMUDA UMNO

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Datuk Mokhzani Mahathir telah meletak jawatan sebagai Bendahari Pemuda Umno dan digantikan oleh Pengerusi Biro Ekonomi pergerakan itu Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein mengumumkan di sini hari ini bahawa beliau menerima surat peletakan jawatan daripada Mokhzani semalam.

"Saya sudah lama berbincang dengan saudara Mokhzani dan saya merasakan masanya sudah sampai untuk beliau menyerahkan tugas dan tanggungjawab kepada penyandang yang baru," katanya pada satu sidang media di sini ketika ditanya pemberita sebab-sebab Mokhzani meletak jawatan.

Sebelum itu Hishammuddin mempengerusikan mesyuarat Exco Pergerakan Pemuda Umno di sini.

Hishammuddin berkata, Mokhzani telah memberi jaminan kepadanya untuk tetap membantu dan memberi sumbangan kepada pergerakan itu pada masa depan dan ia dialu-alukan.

"Sebenarnya saya hendak elak daripada memberi penjelasan mengenai jawatan-jawatan tertentu kerana ianya akan membuka pintu kepada macam-macam persoalan yang lain," kata Hishammuddin yang enggan mengulas lanjut mengenai peletakan jawatan itu.

April lalu, Mokhzani mengumumkan pengunduran dari dunia korporat kerana tohmahan yang memburuk-burukkan namanya serta bapanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada sidang berita itu, Hishammuddin mengumumkan 11 muka baru sebagai ketua Pemuda Umno Negeri dan mengekalkan dua muka lama iaitu Roslan Saidin (Pulau Pinang) dan Tawfiq Abu Bakar Titingan (Tawau).

Mereka terdiri daripada Abdul Jamil Saad (Perlis), Ariffin Man (Kedah), Mohd Rujahan Salleh (Kelantan), Din Adam (Terengganu), Nasir Ismail (Perak), Ismail Mohd Said (Pahang), Ahmad Nawawi Mohd Zain (Selangor), Haidar Ali Sheikh Fadzir (Wilayah Persekutuan), Abdul Ghani Hassan (Negeri Sembilan), Jamilludin Jonit (Melaka) dan Ayub Rahmat (Johor).

Hishammuddin yakin kepimpinan yang baru ini merupakan satu barisan yang mantap dan mampu menterjemahkan perjuangan dan hala tuju Pemuda Umno yang hendak diperjelaskan di peringkat akar umbi.

"Pelantikan mereka ini adalah bersandarkan kelebihan dan keistimewaan setiap individu dan juga peranan yang kita harap dapat dilaksanakan oleh mereka," katanya.

Katanya beliau akan mengumumkan rombakan biro-biro di bawah pergerakan itu selepas Perhimpunan Agung Umno minggu depan.

Pada sidang media yang sama, Hishammuddin turut mengumumkan tiga anggota exco Pemuda dilantik yang baru. Mereka ialah Juhari Janan dari Umno bahagian Kinabatangan, Khairy Jamaluddin (Tampin) dan Abdul Rauf Yusoh (Bukit Bintang).

Dua anggota exco yang dilantik dikekalkan -- Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh (Kuala Terengganu) dan Shamsul Najmi Shamsuddin (Maran).

-- BERNAMA

FA ZS MAI